

ASAL	PINDAAN
<p>Perkara 2.3(c) (m/s 4)</p> <p>Kriteria pengamal PT&K yang dibenarkan untuk menyertai perkhidmatan ini adalah seperti berikut:</p> <p>i. Sebelum permulaan pendaftaran pengamal di bawah Akta PT&K 2016 (Akta 775):</p> <p>Mempunyai pengalaman bekerja dalam perkhidmatan PTP sekurang-kurangnya 5 tahun yang telah disahkan oleh:</p> <ul style="list-style-type: none"> - ketua kampung/ penghulu/ pengerusi persatuan penduduk atau rukun tetangga, ATAU; - majikan tempat pengamal bekerja, ATAU; - pengetua atau pengurusan tertinggi institusi yang berkaitan, ATAU; - badan pengamal yang ditetapkan; <p>ii. Selepas permulaan pendaftaran pengamal di bawah Akta PT&K 2016 (Akta 775): Berdaftar dengan Majlis PT&K</p>	<p>Perkara 2.3(c) Pin.1/2021</p> <p>Kriteria pengamal PT&K yang dibenarkan untuk menyertai perkhidmatan ini adalah seperti berikut:</p> <p>i. Semasa tempoh peralihan* pendaftaran pengamal di bawah Akta PT&K 2016 (Akta 775):</p> <p>Mempunyai kelayakan yang ditetapkan oleh Majlis PT&K, iaitu Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) Tahap 4: Penjagaan Ibu Selepas Bersalin Mamacare; ATAU</p> <p>Mempunyai pengalaman bekerja dalam perkhidmatan PTP sekurang-kurangnya 10 tahun yang telah disahkan oleh:</p> <ul style="list-style-type: none"> - ketua kampung/ penghulu/ pengerusi persatuan penduduk atau rukun tetangga/ ketua rumah panjang tempat pengamal bermastautin; ATAU - majikan tempat pengamal bekerja; ATAU - pengetua atau pengurusan tertinggi institusi yang berkaitan; ATAU - pengerusi badan pengamal yang ditetapkan bagi Perubatan Tradisional Melayu. <p>ii. Selepas tamat tempoh peralihan* pendaftaran pengamal di bawah Akta PT&K 2016 (Akta 775): Merupakan pengamal PT&K (Perubatan Tradisional Melayu – Penjagaan Postnatal) yang berdaftar dengan Majlis PT&K.</p> <p>*tempoh peralihan: sehingga 29 Februari 2024.</p>